


**PERPUSTAKAAN
FAKULTI ALAM BINA**



FAB30000009901

**KEBERKESANAN DASAR PUSAT PERTUMBUHAN DESA (PPD) DALAM
RANCANGAN STRUKTUR NEGERI TERENGGANU (RSNT)
KAJIAN KES: KAMPUNG PENARIK, SETIU**

NURUL AYUMI BINTI AZMAN

Projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar Dan Wilayah

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2009

ABSTRAK

Isu yang kerap dibangkitkan dalam sistem rancangan pemajuan di Malaysia ialah mengenai keberkesanan dasar yang telah dirumuskan pada pelbagai peringkat perancangan. Rancangan pemajuan yang dirumuskan dikatakan tidak dilaksanakan, tidak menjadi bahan rujukan atau panduan kepada agensi-agensi pelaksana dalam melaksanakan pembangunan dasar. Agensi pelaksana dikatakan mempunyai keutamaanya sendiri dan projek-projek yang dilaksanakan dikatakan mempunyai kriteria tersendiri yang tidak semestinya sama dengan dasar yang dikemukakan dalam rancangan pemajuan. Selain daripada kesediaan agensi pelaksanaan untuk menerima pakai dasar, ianya turut dipengaruhi oleh faktor lain termasuk kejelasan pernyataan dasar, kesesuaian langkah-langkah yang dirumuskan bagi melaksanakan dasar-dasar, komitmen pegawai agensi pelaksana dan sebagainya. Kajian ini adalah untuk melihat kesesuaian dan keberkesanan dasar berkaitan dengan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) yang dirumuskan dalam Rancangan Struktur Negeri Terengganu (RSNT) dalam perkaitannya dengan isu setempat yang ditangani melalui konsep PPD dan faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan suatu dasar perancangan, peranan dan ciri-ciri PPD dalam memungkin pembangunan luar bandar, keberkesanan dasar PPD dalam RSNT dari perspektif pelaksana dasar dan permasalahan setempat dan juga cadangan bagi memperkuatkahkan keberkesanan pelaksanaan dasar tersebut dalam Rancangan Struktur Negeri (RSN). Proses kajian adalah melalui temubual mengenai keberkesanan dasar dari sudut agensi pelaksana, melihat keselarasan penterjemahan dasar antara RSNT dengan RTD, perbandingan antara pernyataan dasar dengan kawasan kajian dan tahap kepuasan penduduk terhadap pernyataan dasar yang dilaksanakan. Hasil daripada kajian mendapat terdapatnya ketidakselarasan penterjemahan dasar daripada RSNT kepada RTD, walaupun kemudahan yang disediakan mengikut pernyataan dasar yang telah ditetapkan tetapi ianya tidak dapat memenuhi tahap kepuasan penduduk setempat. Dengan itu perlunya kepada keselarasan penterjemahan dasar daripada RSN kepada RTD dan menjelaskan dengan jelas mengenai objektif dasar agak ianya tidak berubah-ubah supaya keberkesanan terhadap sesuatu dasar dapat dicapai.

ABSTRACT

The issue that always arise in development plan system is regarding the policies effectiveness that has been formulated at various planning stages. The formulation of the most development plan was claimed as not being implemented moreover it is not functioning as the reference or guidance to the implementation agencies in implementing development's policies. The implementing agencies said to have their own priority and the projects carried out may have distinctive criteria which are not necessary identical to the policies stated in development plans. Besides the willingness of the implementation agencies to accept and acknowledge the policies, the effectiveness of the formulated policies influenced by the other factors such as the understandable policy's statement, suitability of the formulated steps to implement the policies and the commitment of the implementation officers and so on. This study is carried out to determine the suitability and the effectiveness of RGC in relating to local issues and the factors influencing the implementation of planning policies, roles and characteristics of RGC in catalyzing the rural development, the effectiveness of RGC policies from the view of implementing agencies and suggestion towards an effective policy implementation in Structure Plan. Research process is through interview on effectiveness of policy from implementation agency angle, translation concordance policy between RSNT with RTD, comparison between policy statement with study area and levels of satisfaction on implemented policies statement. The study shows that inconsistency in policies implementation occurs provided at RSNT to RTD. Therefore, the policy translation should be clarified, clear and consistent to ensure the effectiveness of the policy.